

KEJOHANAN BOLING PIALA REKTOR KUiTTTHO

Pada 4-6 Jun 2004, bertempat di Sunway Pyramid, Petaling Jaya telah dilangsungkan Kejohanan Boling Piala Rektor KUiTTTHO. Kejohanan dianjurkan oleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

KUKUM menyertai kejohanan bagi kategori terbuka lelaki berpasukan dan terbuka wanita berpasukan serta kategori VIP. Bagi kategori VIP, Y.Bhg. Rektor KUKUM, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah berjaya menduduki tempat ketiga.

Kejohanan ini secara tidak langsung telah mengeratkan hubungan sesama staf daripada Universiti-Universiti di Malaysia.